




**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI  
KEMENTERIAN DIGITAL**

**PANDUAN BAYARAN SECARA ATAS TALIAN BAGI  
PERMOHONAN PENDAFTARAN PENGAWAL DATA  
(GOLONGAN PENGAWAL DATA)  
MELALUI  
SISTEM PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (SPDP)**

Dikemas kini pada: 26 Ogos 2025

# PANDUAN PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN



## 1. Panduan Umum

- Bayaran fi pendaftaran, pembaharuan, penggantian dan salinan diperakui sah (CTC) dilakukan secara elektronik sepenuhnya melalui SPDP.
- Resit bayaran rasmi daripada Jabatan Perlindungan Data Peribadi boleh dimuat turun di akaun SPDP pemohon selepas selesai membuat bayaran.

## 2. Log Masuk Akaun

- Pemohon perlu melayari laman sesawang SPDP di <http://daftar.pdp.gov.my/>.
- Klik "Log Masuk SPDP" di penjuru kanan atas laman SPDP.
- Masukkan ID pengguna dan kata laluan. Seterusnya, Klik butang "Log Masuk".



## SISTEM PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Jabatan Perlindungan Data Peribadi  
Kementerian Digital



### Pendaftaran

13 Golongan Pengawal Data

Sekiranya anda adalah 13 Golongan Pengawal Data, anda wajib mengemukakan permohonan pendaftaran kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Pastikan pendaftaran anda dilengkapskan dengan segera bagi memenuhi kewajipan undang-undang.

[Daftar Sekarang >](#)



### Lapor Aduan

Salah Guna Data

Anda mendapati data peribadi anda organisasi tertentu. Lindungilah hak anda. Kemukakan aduan anda bagi kami menjalankan siasatan.

[Lapor Aduan < >](#)

Rajah 2.1

- Sekiranya pemohon tidak mengetahui kata laluan, sila rujuk [Tetapan Semula Kata Laluan](#).


### 3. Proses Pembayaran Fi

- Di bawah Senarai Permohonan Semasa, klik “Bayar Online” seperti di dalam rajah 3.1

No. Pendaftaran JPDP	Bilangan Tahun
: 1	: Pelancongan & Hospitaliti
: Nama Syarikat	: Orang berlesen yang menjalankan atau mengendalikan suatu institusi latihan pelancongan, pengendali pelancongan berlesen, agen pelancongan berlesen, atau pemandu pelancong berlesen di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]
: No. Pendaftaran Syarikat	
: Bilangan Cawangan	

Rajah 3.1

- Pemohon akan dibawa ke portal pembayaran. Isi maklumat pada ruangan kosong yang tersedia.



Rajah 3.2

- Kemudian klik “*Payment Option*”, pilihan bank akan dipaparkan seperti di dalam rajah 3.2.
- Sila tandakan  pada ruangan persetujuan penerimaan syarat perkhidmatan dan dasar privasi yang disediakan.
- Klik bayar untuk melengkapkan proses bayaran.

Nota:

Kadar fi pendaftaran baharu dan pembaharuan boleh dirujuki di pautan berikut:  
<https://www.pdp.gov.my/ppdpv1/fi-pendaftaran/>.